

# Empat tahun air masuk rumah

Penduduk Taman Seri Dua minta MDSB selenggara longkang, elak banjir kilat berulang

SUNGAIBESAR - "Biasanya, kalau hujan lebih dua jam saja, mesti rumah saya masuk air," kata seorang penduduk Taman Seri Dua, di sini.

Ahmad Shamsi Seri, 62, berkata, setiap kali hujan berterusan, kediamannya sering dilanda banjir kilat sejak empat tahun lalu.

Menurutnya, kejadian itu berlaku berpunca daripada longkang tersumbat yang tidak dapat mengalirkan air dengan sempurna.

"Bila hujan, longkang di kawasan perumahan ini akan penuh, lepas tu air melimpah masuk dalam rumah penduduk," katanya.

Ahmad Shamsi berkata, saiz longkang yang kecil serta cetek juga menjadi penyumbang utama terhadap

kejadian banjir kilat di kawasan itu.

"Kalau tengok, keadaan longkang ini juga dipenuhi sampah kerana tak diselenggarakan," katanya.

Menurutnya, masalah berkenaan telah dilaporkan kepada Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Tapi sampai sekarang belum ada apa-apa tindakan diambil.

"Saya akui pemantauan dari MDSB serta JPS juga telah dibuat, tapi ia cuma pemantauan selepas banjir kilat menyebabkan keadaan sebenar tidak diketahui dan tiada usaha daripada pihak itu untuk menyelesaikan masalah ini.

"Saya mohon MDSB

ganti longkang di kawasan kritikal berhampiran rumah saya agar perkara ini tak berulang lagi," katanya.

Ahmad Samsi berkata, setiap kali banjir kilat, banyak barangan perabot dan elektrik di kediamannya dan penduduk lain rosak.

"Malah, saya difahamkan masalah ini melibatkan tiga lagi rumah penduduk hingga ada yang mengadu lantai jubin rumah tertanggal.

"Saya bukan minta bantuan kerosakan atau pun ganti rugi, cuma minta longkang diselenggarakan," katanya.

Sementara itu, *Sinar Harian* difahamkan MDSB akan menyasiat dakwaan itu dan akan memberi maklum balas dalam waktu terdekat.



Keadaan longkang di Taman Seri Dua yang melimpah ketika hujan lebat dan mengakibatkan air masuk ke dalam rumah.